

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' NGEH KOO HAM

TARIKH: 24 MAC 2015

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kriteria seseorang atau sebuah syarikat diluluskan kuota untuk membawa masuk pekerja asing. Apakah cara termudah untuk memohon kelulusan membawa masuk pekerja-pekerja ini.

PR-1331-L66681

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setiap permohonan yang dikemukakan oleh majikan/syarikat perlu memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan menerusi ketetapan yang telah diputuskan di bawah Jawatankuasa Kabinet Berhubung Pekerja Asing – Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia.